

12/12/1997

Malaysia alu-alukan pelabur baik

Roslan Hamid in Teheran

TEHERAN, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pelaburan asing bercorak produktif untuk mengeluarkan barangan dan perkhidmatan adalah baik kerana ia membantu mewujudkan kemahiran, pekerjaan dan kemakmuran sesebuah negara.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, ada satu jenis pelaburan asing yang tidak baik iaitu pelaburan jangka pendek dan wang panas dalam pasaran saham.

"Pelabur sedemikian hanya mahu meningkatkan nilai saham dan menjualnya apabila harga naik tinggi. Mereka kemudian akan mengambil keuntungan modal itu dan berpindah ke negara lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog dengan ketua pegawai eksekutif terkemuka, pengurus kanan dan ahli akademik Iran di Institut Pengurusan Industri di sini, semalam.

Dr Mahathir bercakap mengenai buruk-baiknya pelaburan asing dengan mengambil contoh pengalaman Malaysia menghadapi penurunan nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham, apabila ditanya mengenai fungsi syarikat antarabangsa (MNC) dalam menghadapi masalah itu.

Perdana Menteri berkata, MNC seperti itu perlu dihindari, tetapi sebaliknya MNC yang melabur secara produktif tidak akan mendatangkan apa-apa keburukan.

"Tidak ada apa yang boleh diambil mereka kerana semuanya boleh dikatakan 'dipaku ke lantai', oleh itu mereka memilih untuk terus menetap di negara berkenaan."

"Malah, di Malaysia tiada satu pun daripada mereka yang keluar," katanya.

Dr Mahathir berkata sementara MNC baru masuk, yang sudah berada di Malaysia sedang menambah pelaburan mereka, memandangkan dengan meningkatnya nilai mata wang mereka berbanding ringgit, mereka memerlukan jumlah (mata wang mereka) yang lebih rendah untuk terus melabur.

Perdana Menteri yang berada di sini untuk menghadiri Sidang Puncak Kelapan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) juga menjelaskan aspek negatif perdagangan mata wang dan usaha kerajaan bagi menangani masalah penurunan nilai ringgit.

"Banyak kesukaran terpaksa dilalui untuk pulih semula," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia kerugian kira-kira AS\$140 bilion dalam masa empat bulan lalu akibat penurunan nilai ringgit itu.

Ini kerana pendapatan perkapita sebanyak AS\$5,000 menurun kepada AS\$3,000 berikutan kejatuhan nilai ringgit sebanyak 40 peratus.

"Kami mengambil masa 15 tahun untuk meningkatkan pendapatan perkapita kami daripada AS\$3,000 kepada AS\$5,000 dan sekarang kami kembali kepada AS\$3,000. Mungkin ia akan mengambil masa 15 tahun (untuk meningkat balik kepada AS\$5,000) saya harap tidak sampai begitu," katanya.

Selain langkah berjimat cermat yang diambil dalam negeri, Dr Mahathir berkata: "Untuk memulihkan ekonomi kami, kami perlu meningkatkan perdagangan, mencari rakan kongsi baru."

Beliau berharap Iran dapat menjadi rakan perdagangan yang baik untuk Malaysia yang sudah pun melabur dalam sektor minyak dan gas di negara ini.

Katanya, pemimpin Iran termasuk Presiden Mohammad Khatami sudah mengulangi perlunya bagi Iran dan Malaysia meningkatkan kerjasama.

(END)